

BAB PERTAMA

PENGENALAN

BAB PERTAMA

PENGENALAN

1.0. Pendahuluan

Kajian ini merupakan satu analisis yang memfokuskan kearah pengenalan isim (Kata nama) dan penggunaannya di dalam bahasa Arab.

Memang sukar untuk mengenali sesuatu isim, kadang-kadang menyamai fi'il (Kata kerja) atau ḥaraf (Kata penyambung) dari segi bentuk walau pun berbeza dari segi maknanya, contohnya perkataan ذَمَبُ (Pergi) iaitu kata kerja dan isim ذَمَبٌ (emas). Tambahan pula, sistem penulisan bahasa Arab tidak semestinya ditanda baris.

Walaupun bagaimanapun, kedua-dua perkataan tersebut mempunyai ciri-ciri tertentu yang dapat membezakan antara kedua-duanya. Isim pada umumnya dapat dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu isim Nakirat dan Ma'rifat. Untuk mengenali bentuk kedua-duanya mesti mengetahui kaedah-kaedah tertentu mengenainya.

Bermula dari sini, penulis telah membuat kajian dan analisis yang berkaitan dan didapati ramai pelajar tidak dapat membezakan antara kedua-duanya. Daripada faktor inilah mendorong penulis membuat kajian terperinci bagi mencari punca sebenar kelemahan pelajar sebelum mencadangkan langkah-langkah mengatasinya yang lebih berkesan.

1.1. Pernyataan Masalah.

Selalu kita mendengar sungutan daripada guru-guru yang mengajar bahasa Arab sama ada bahasa Arab Tinggi atau Komunikasi di kebanyakan sekolah di Malaysia lebih-lebih lagi guru-guru yang mengajar di sekolah Menengah Kebangsaan Agama, di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia, rata-rata pelajar tidak tahu hendak menggunakan isim Ma'rifat dengan betul.

Sungutan serupa ini juga datang daripada pemeriksa kertas bahasa Arab peringkat PMR dan SPM sama ada bahasa Arab Tinggi atau Komunikasi. Berdasarkan faktor di atas, mendorongkan penulis untuk membuat kajian tersebut. Banyak persoalan yang timbul daripada pernyataan di atas, apakah ia terjadi dan mengapa pula terjadi?

Selain daripada faktor di atas , kurang penekanan yang diberikan oleh pihak guru semasa proses pengajaran berlangsung juga menjadi punca utama terhadap kelemahan pelajar-pelajar di dalam mengenali isim Ma'rifat.

Di peringkat PMR dan SPM bahasa Arab hanyalah sebagai mata pelajaran elektif di dalam peperiksaan , pelajar hanya dikehendaki memasuki peperiksaan tetapi tidak diwajibkan lulus. Dengan itu tumpuan sepenuhnya tidak diberikan oleh pelajar terhadap mata pelajaran ini. Sebahagian pelajar tidak meminati mata pelajaran bahasa Arab tetapi mereka memilih subjek ini bagi

memenuhi kehendak ibu bapa mereka atau permintaan dari pihak sekolah.

Walaupun keputusan cemerlang diperolehi dalam subjek bahasa Arab diperingkat peperiksaan, ia tidak dapat membantu pelajar-pelajar untuk menyambung pelajaran mereka ke peringkat yang lebih tinggi berbanding dengan pencapaian dalam subjek lain seperti matematik dan sains. Oleh sebab itulah, pelajar-pelajar tidak berminat mempelajari bahasa Arab, lebih-lebih lagi untuk mengenali jenis-jenis isim dalam bahasa ini.

1.2. Objektif Kajian.

Tujuan kajian ini dilakukan adalah untuk:

1. Mengetahui kemampuan pelajar membezakan antara isim Ma'rifat dan Nakirat.
2. Melihat kebolehan pelajar menggunakan isim Ma'rifat di dalam ayat atau penulisan mereka dengan berkesan.
3. Menilai kemahiran pelajar menyebut isim Ma'rifat dengan cara yang betul.
4. Mengenal pasti punca-punca kelemahan pelajar dari segi:
 - a. Penggunaan isim Ma'rifat.
 - b. Perbezaan isim Ma'rifat dan isim-isim lain.

c. Penyebutan bunyi huruf dan lafaz dengan betul.

5. Menyusun langkah-langkah yang sesuai bagi membantu pelajar mengatasi masalah tersebut.
6. Membantu para penyelidik mengkaji secara terperinci unit-unit isim Ma'rifat.
7. Membantu pihak-pihak yang berwajib membuat analisis mengenai kemajuan dan kelemahan pelajar menggunakan isim Ma'rifat.
8. Memperkenalkan kepada para pelajar mengenai unit-unit isim Ma'rifat.
9. Membantu para pelajar membuat rujukan mengenai Isim Ma'rifat.
10. Membantu para sarjana membuat penyelidikan mengenai isim Ma'rifat.

1.3. Kepentingan Kajian

Kajian ini dilakukan bagi memudahkan pihak-pihak yang berkepentingan mengambil manfaat sebagai:

1. Rujukan para guru atau pelajar bahasa Arab.
2. Panduan kepada pengkaji-pengkaji bahasa Arab.
3. Rujukan kepada penggubal dasar pendidikan bahasa Arab.
4. Membantu penutur-penutur bukan Arab menggunakan bahasa Arab dengan baik.

- a. Rujukan kepada para penyelidik bahasa Arab pada masa akan datang.
- b. Panduan kepada para penyelidik membuat kajian dan analisis mengenai isim Ma'rifat.

1.4. Bidang dan batasan kajian

Bidang kajian ini tertumpu kepada kesilapan bahasa Arab di kalangan pelajar-pelajar Melayu Kelantan. Penulis memfokuskan bidang kajian kepada penggunaan isim Ma'rifat. Kajian ini dibuat ke atas pelajar-pelajar tingkatan 5 di Sekolah Menengah Agama Melor, Kota Bharu dan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Wataniah Machang, Kelantan. Memandangkan bidang kajian ini agak luas, penulis hanya membataskan kajian mengenai aspek-aspek berikut:

- 1) Pembentukan isim Ma'rifat.
- 2) Pembahagian isim Ma'rifat kepada beberapa unit tertentu.
- 3) Analisis kesilapan penggunaan isim Ma'rifat dan cara mengatasinya.

1.5 METODOLOGI KAJIAN

1.5.1 Pendahuluan

Metodologi merupakan kaedah atau cara yang digunakan untuk membuat penyelidikan bagi menghasilkan disertasi yang lengkap dengan penyelidikan. Penulis telah memilih pelbagai

pendekatan yang merangkumi perkara-perkara seperti berikut
iaitu:

- i. Sampel
- ii. Kaedah
- iii. Prosedur Kajian
- iv. Analisis Data
- v. Rumusan Dan Dapatan Kajian

1.5.2 Sampel

Sampel yang dipilih dalam kajian ini berasaskan kepada pelajar-pelajar di dua buah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di jajahan Kota Bharu dan Machang. Sekolah-sekolah yang terlibat ialah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Melor dan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Wataniah, Machang, Kelantan. Seramai 40 pelajar telah dipilih untuk menjawab soalan soalselidik yang dirangka oleh penulis.

1.5.3 Kaedah

Kaedah kajian atau penyelidikan yang dipilih oleh penulis adalah berdasarkan kepada cara deskriptif. Kaedah-kaedah yang dimaksudkan ialah:

- i. Kepustakaan
- ii. Analisis Data Dan Perbandingan

Pada pandangan penulis, pemilihan kaedah ini merupakan kaedah yang terbaik dalam membicarakan tentang kesilapan pelajar dan melihat kebolehan pelajar dalam menguasai penggunaan isim Ma'rifat.

1.5.4 Kepustakaan

Kaedah ini merupakan cara yang paling berkesan dalam mencari bahan penyelidikan yang lebih berkesan Penulis telah membuat rujukan di Perpustakaan Umum Nilam Puri, Perpustakaan Awam Kota Bharu., Perpustakaan Pusat Pengajian Pondok Moden, Bachok, Kelantan dan Perpustakaan Pusat Bahasa Arab, Nilam Puri, Kelantan. Memandangkan banyak perkara yang perlu dikumpul dalam melengkapkan bahan untuk penyelidikan, maka penulis telah membuat rujukan pelbagai bahan rujukan yang berkaitan dengan tajuk disertasi.

Antara bahan yang menjadi sumber rujukan pengkaji ialah tesis-tesis, disertasi-disertasi yang terdahulu, jurnal-jurnal, buku-buku bahasa Arab, majalah, akhbar dan lain-lain bahan yang sesuai. Melalui bahan-bahan penyelidikan yang telah tersenarai di atas, Penulis telah merangka soalan soalselidik sebagaimana dalam Lampiran A yang menjurus kepada tajuk disertasi.

1.5.5 Analisis Data Dan Perbandingan

Data-data yang telah dikumpul melalui kajian pengkaji akan dianalisis mengikut kaedah Analisis Kesilapan. Penulis mempersembahkan data-data yang telah dikumpul melalui jadual-jadual yang telah ditetapkan. Setelah jadual disiapkan penulis akan membuat perbandingan antara dua buah sekolah tentang

penguasaan penggunaan isim Ma'rifat di kalangan pelajar-pelajar di dua buah sekolah tersebut.

1.5.6 Prosedur Kajian

Prosedur kajian merupakan satu huraian yang membicarakan tentang apakah langkah-langkah yang telah dilakukan oleh penulis sebelum melakukan penulisan disertasi ini. Penulis telah membahagikan kepada empat peringkat prosedur dalam melakukan penyelidikan ini. Peringkat-peringkat yang terlibat ialah:

- i. Tahap Permulaan.
- ii. Tahap Merangka Dan Menjalankan Soalselidik.
- iii. Tahap Analisis Data.
- iv. Tahap Akhir.

A. Tahap Permulaan

Tahap permulaan ialah penulis berusaha mengumpulkan bahan-bahan yang difikirkan sesuai untuk penulisan disertasi ini. Antara bahan yang telah dikumpulkan ialah disertasi, tesis, jurnal, buku-buku, majalah dan akhbar yang mana pada tahap ini banyak masa dihabiskan untuk mencari bahan di perpustakaan.

B. Tahap Merangka Dan Menjalankan Soalselidik.

Pada tahap ini, penulis telah pun siap mengumpul bahan untuk penyelidikan, dan penulis telah merangka bentuk soalselidik yang menjurus kepada tajuk disertasi. Dalam merangka

soalselidik penulis telah membuat perbincangan dengan penyelia dan rakan-rakan. Setelah soalselidik itu siap, penulis mula berusaha mendapat kelulusan pihak pentadbir sekolah untuk menjalankan penyelidikan. Ujian soalselidik memakan masa 30 minit dan ujian ditadbir sendiri oleh penulis. Perjalanan ujian soalselidik ini dijalankan di luar waktu belajar.

C. Tahap Penulisan Analisis Data

Setelah bahan terkumpul dan soalselidik selesai dijalankan, penulis mula melakukan penulisan disertasi dengan panduan penyelia. Penulis akan menganalisis data-data yang telah dikumpul dan mempersembahkannya dalam jadual jadual yang telah dirangka. Perbincangan dilakukan berdasarkan isi kandungan bahan-bahan yang terdapat dalam soalan soalselidik

D. Tahap Akhir

Pada tahap ini penulis membuat persiapan terakhir sebelum disertasi disemak oleh pihak fakulti. Rumusan dan cadangan membina dilakukan berdasarkan kepada kesesuaian data-data yang dianalisis

1.6 Definisi Operasional

Kajian yang dibuat melibatkan beberapa istilah di antaranya ialah:

1.6.1. Kesilapan

Kesilapan pula mengikut **Kamus** (1), bermaksud perihal silap atau kekeliruan.

1.6.2. Analisis Kesilapan

Berdasarkan kepada maksud analisis dan kesilapan yang telah dinyatakan dalam penerangan di atas dapatlah penulis menjelaskan bahawa analisis kesilapan bermaksud kajian atau penyelidikan yang mendalam terhadap kesilapan atau kekeliruan yang tidak dilakukan oleh pelajar. Bentuk kesilapan ini sebenarnya secara tidak sedar dilakukan oleh pelajar, memandangkan sebelum pengujian dilakukan, pelajar telah didedahkan dengan teknik menulis laporan persatuan dan kelab.

1.6.3 Penggunaan

Menurut **Kamus** (2), perihal (perbuatan, kegiatan) menggunakan sesuatu atau pemakaian (barang-barang, hasil perusahaan, bahan makanan).

1.6.4 Kajian

Kajian ialah kegiatan (usaha, proses) mengkaji secara mendalam atau terperinci.

1.6.5 Isim Nakirat

Menurut kebanyakan ahli nahu bahasa Arab bahawa isim Nakirat adalah kata nama indefinitif yang tidak tertentu dan

1. Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur (1993) Halaman 204
2. Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur (1993) Halaman 418.

tidak menerima kemasukan Alif Lam (AL) di awal perkataan contohnya رَجُلٌ (lelaki), كِتَابٌ (buku), طَالِبٌ (pelajar), مَدْرَسٌ (Guru), مَدْرَسَةٌ (Sekolah) dan lain-lain.

1.6.6 Isim Ma'rifat.

Kebanyakan ahli nahu bahasa Arab berpendapat bahawa isim Ma'rifat adalah kata nama definitif yang menunjukkan sesuatu yang tertentu dan menerima kemasukan AL, contohnya الْبَيْتُ (rumah), التِّلْمِيزُ (pelajar), الدَّفْترُ (buku rampaian), الْمُدِيرُ (Guru besar), الْمُسْطَرَّةُ (Pembaris).

1.7 Rangka Kajian

Kajian dibahagikan kepada lima bab dan setiap bab dikhususkan kepada topik-topik tertentu. Bab-bab tersebut memperbincangkan topik-topik tersebut secara terperinci dan detail mengikut kesesuaian dan kepentingan bab berkenaan.

Bab pertama: Membincangkan mengenai latar belakang kajian, pernyataan masalah, definisi operasional, analisis kesilapan dan bidang serta batas kajian berdasarkan kepada kepentingan penggunaan isim Ma'rifat.

Bab Kedua: Membincangkan mengenai kata nama di dalam bahasa Arab dan yang berkaitan dengannya termasuk ciri-ciri kata nama serta pembahagiannya, pembahagian kata nama dari sudut genus dan bilangan serta bahagian-bahagiannya.

Bab Ketiga: Membicarakan mengenai isim serta pembahagiannya dari sudut umum dan khusus, isim Nakirat dan Ma'rifat termasuk unit-unitnya seperti Ganti Nama, Kata Nama Khas, Kata Tunjuk, Kata Relatif, Penambahan AL, Idāfat serta Kata Seru Definitif Khas dan yang berkaitan dengannya.

Bab Keempat: Menerangkan mengenai proses analisis kesilapan penggunaan isim Ma'rifat melalui borang soalselidik pelajar serta guru, latar belakang kehidupan pelajar serta tahap pendidikan dan sosiol ekonomi keluarga dan taraf kehidupan keluarga. Hasil daripada analisis tersebut dilengkapkan di dalam jadual yang disediakan.

Bab Kelima: Merupakan bab terakhir di dalam kajian ini yang menumpukan perbincangan mengenai rumusan kajian pada keseluruhannya serta cadangan-cadangan peningkatan pembelajaran bahasa Arab di kalangan pelajar dan pengkaji akan datang serta penutup.

1.8 Penutup

Sebagai kesimpulan dalam bab ini dapat penulis merumuskan bahawa penggunaan isim ini dalam kajian boleh memberi pelbagai kepentingan kepada pelajar, guru agama dan rujukan Kementerian Pendidikan tentang jenis dan cara menggunakan isim.